

ANGGOTA bomba dan JPAM membantu mangsa yang terkandas.



Gelisah 100,000 penduduk

■ Penampang lumpuh, jalan terpaksa ditutup

Oleh Junaidi Ladjana dan Erdiehazzuan Ab Wahid
hmkk@hmetro.com.my
Penampang

Hampir keseluruhan daerah ini lumpuh apabila sebahagian besar kawasan terputus hubungan akibat banjir yang melanda di beberapa kawasan selepas hujan berterusan sejak malam kelmarin.

Berikutan itu, hampir 100,000 penduduk terjejas manakala ratusan kenderaan terkandas di jalan raya dan beberapa laluan terpaksa ditutup kepada kenderaan kerana berbahaya untuk dilalui.

Hampir 70 kampung lain di daerah ini dilanda banjir yang dipercayai berpunca limpahan air sungai utama daerah berkenaan, Sungai Moyog.

Antara kampung terjejas teruk ialah Kampung Dabak, Ramayah, Minintod, Nambazan, Babah, Dungkahang, Kambau, Kolopis, Tuavon, Kibabaig, Limbanak dan Tanaki.

Difahamkan, paras air di sungai berkenaan mula naik sejak beberapa hari lalu dan

bertambah buruk berikutan hujan berterusan sehingga awal pagi semalam.

Tinjauan Harian Metro mendapati penduduk mula menyelamatkan barangan berharga termasuk memindahkan kenderaan ke tempat yang lebih tinggi seawal jam 7.30 pagi.

Penduduk kampung Dabak, Rosita Maidol, 31, berkata banjir di kampungnya itu yang terburuk dialaminya.

"Hampir 11 tahun tinggal di sini, ini kali pertama air banjir masuk ke dalam rumah. "Sebelum ini pernah berlaku banjir namun hanya di luar rumah. Hari ini (semalam) air mula melimpah masuk ke dalam rumah kira-kira jam 6.30 pagi," katanya di sini, semalam.

Rosita berkata, dia menyelamatkan dua anaknya ke tempat yang selamat bagi mengelak perkara tidak diingini.

"Saya dan suami menyelamatkan barangan berharga dan membawa anak ke tempat selamat," katanya.

Pegawai Daerah Penampang, William Sampil, berkata banjir itu yang paling

teruk sejak 1999 dengan hampir dua pertiga daripada kira-kira 160,000 penduduk di daerah berkenaan terjejas.

"Paras banjir mula pulih tengah hari tadi (semalam), namun masih ada penduduk yang terperangkap atau tidak dapat keluar rumah berikutan jalan raya yang ditenggelami air.

"Setakat ini, tiada mangsa dipindahkan namun pasukan jawatankuasa bencana alam daerah dengan kerjasama agensi lain termasuk Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) serta Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan terus memantau dari semasa ke semasa," katanya ketika dihubungi, semalam.

Sementara itu, Pegawai Perhubungan Awam JBPM Sabah Mohd Affendy Ramin berkata, pihaknya menghantar 22 anggota dari tiga Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) bagi melakukan pemantauan dan membantu menyelamatkan mangsa.

Katanya, antara BBP



PEMANDANGAN dari udara sekitar daerah Penampang.



KAMPUNG Dabak antara lokasi yang terjejas teruk.



PENDUDUK Kampung Dabak menolak kereta yang tersangkut dalam banjir.



SALAH sebuah kereta yang ditenggelami air.

terbabit dalam penugasan itu ialah BBP Penampang; BBP Lintas dan BBP Kota Kinabalu.

"Semua anggota terbabit melakukan pemantauan di sekitar kawasan dan membantu menyelamatkan mangsa terperangkap di kawasan banjir.

"Sebuah pusat pemindahan sementara dibuka di Dewan Masyarakat Tun Fuad bagi menempatkan mangsa banjir," katanya.

Tinjauan mendapati ada runtuh tanah di kawasan perkuburan di Jalan Cenderawasi Likas akibat hujan lebat yang berterusan sejak awal pagi kelmarin.

Runtuh itu turut menyebabkan beberapa keranda yang tertanam, terkeluar melalui runtuh tanah.